

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 30**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setiap tahun lebih kurang 250,000 penuntut menghadapi peperiksaan sedangkan pusat-pusat pengajian tinggi awam dan swasta hanya boleh menampung sekitar 50,000 hingga 60,000 tempat belajar. Ke manakah mereka disalurkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Kemasukan Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Awam (BKPA), Jabatan Pendidikan Tinggi bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelaras kemasukan pelajar ke universiti awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

Berdasarkan Statistik Pendidikan Tinggi, bilangan kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi (IPT) adalah 464,776 pada tahun 2016, 462,038 pada tahun 2017 dan 432,296 pada tahun 2018. Seterusnya seramai 199,629 calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah memohon untuk melanjutkan pengajian ke IPTA dan ILKA melalui UPUOnline pada sesi akademik 2019/2020. Sebanyak 69 peratus (137,931) calon telah ditawarkan tempat pengajian di IPTA dan ILKA mengikut program yang dipilih.

Pada tahun 2018, 146,683 calon telah memohon program TVET melalui sistem UPUOnline. 99.9 peratus iaitu 146,597 daripada calon tersebut layak untuk program TVET. Jumlah ini dijangka dapat mengurangkan lagi bilangan pelajar lepasan SPM yang menyertai pasaran kerja tanpa latihan kemahiran, sekali gus meningkatkan jumlah tenaga kerja mahir yang terdiri daripada warga tempatan

Sementara itu, purata enrolmen pelajar di Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan dari tahun 2013 hingga 2019 adalah seramai 24,477 orang.

Manakala, pengambilan pelajar ke Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah berdasarkan unjuran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi bekalan guru sekolah rendah di seluruh negara.

Selain daripada universiti awam, Politeknik, Kolej Komuniti ILKA, IPG, Kolej Matrikulasi KPM, calon-calon lepasan SPM juga boleh melanjutkan pengajian ke Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Institut Kraf Negara (IKN), Pra Universiti Sekolah Sukan Malaysia di bawah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Tingkatan Enam di bawah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) dan melanjutkan pengajian di lain-lain institusi di dalam dan luar negara samada melalui tajaan atau pembiayaan persendirian.

Sekian, terima kasih.